



**M B S**



# **PROFIL KORPORAT**

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**



## KANDUNGAN

PERUTUSAN DATUK BANDAR .....	1
CARTA ORGANISASI .....	4
PENTADBIRAN .....	5
PENGISYIHKARAN BANDARAYA .....	8
LATAR BELAKANG .....	20
PERANCANGAN & PEMBANGUNAN .....	27
INDUSTRI & PERDAGANGAN .....	31
PENDIDIKAN .....	34
KESIHATAN & KEBAJIKAN .....	37
PELANCONGAN .....	40
ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN .....	50





## PERUTUSAN DATUK BANDAR

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera,

Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

Alhamdulillah, dipanjatkan rasa syukur ke Hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya terhasil Profil Korporat Majlis Bandaraya Seremban.



Pertamanya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sembilan di bawah kepimpinan YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan di atas kepercayaan beliau melantik saya sebagai Datuk Bandar Pertama Majlis Bandaraya Seremban dan setinggi - tinggi penghargaan juga kepada YB Dato' Dr. Razali bin Ab Malik, Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan.

Secara ringkas, Majlis Bandaraya Seremban telah ditubuhkan pada 01 Januari 2020 hasil daripada penggabungan dua entiti iaitu Majlis Perbandaran Seremban (MPS) dan Majlis Perbandaran Nilai (MPN). Istiadat Pengisytiharan Majlis Bandaraya Seremban telah diadakan pada 20 Januari 2020 dan disempurnakan oleh DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir bertempat di Wisma MBS, Seremban.

Dalam menerajui MBS, fokus utama saya adalah untuk menghasilkan perkhidmatan secara profesional, cemerlang dan berkualiti. Saya juga ingin memastikan pembangunan di MBS membangun secara terancang dan mampan bagi menjamin kualiti hidup yang tinggi sesuai dengan motto MBS iaitu Mampan, Bersih dan Sejahtera. Majlis juga akan mempertingkatkan pemberian perkhidmatan bandar yang bersih, cekap, berkualiti dan berkesan kepada masyarakat. Majlis Bandaraya Seremban akan terus mendukung Visi dan Misinya iaitu sebagai Bandar Raya Pintar Yang Mampan, Bersih Dan Berdaya Maju dan menyediakan perkhidmatan



pintar yang efisien, berkualiti dan telus bagi memastikan warga Bandar Raya Seremban menikmati kehidupan yang selesa dan sejahtera.

Pentadbiran MBS akan terus menyediakan dan menyelenggara kemudahan awam serta prasarana yang berkualiti, mencukupi, efisien, mesra pengguna dan mudah sampai bagi memenuhi keperluan warga bandar raya. Pentadbiran MBS turut berharap agar dengan naiktaraf kepada Majlis Bandaraya Seremban dapat menjadikan kawasan di bawah pentadbiran sebuah Bandar Raya Pintar atau dikenali sebagai '*Smart City*' terbaik di antara semua Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia dapat direalisasikan suatu hari nanti.

Dalam menjadikan '*Smart City*' suatu realiti, MBS telah mengorak langkah dalam menyediakan perkhidmatan pintar iaitu aplikasi atas talian atau '*online*' dalam menuju ke arah bandar raya yang menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta kemajuan teknologi dan inovasi bagi meningkatkan kualiti hidup serta pertumbuhan ekonomi, mewujudkan alam sekitar yang mampan dan selamat serta menggalakkan pengurusan bandar yang lebih cekap. Antara perkhidmatan atas talian yang disediakan oleh Majlis Bandaraya Seremban adalah seperti berikut:-

1. OSC *Online*
2. eTaksiran
3. ePembayaran
4. eLesen
5. eKompaun
6. SISPAA

Orang ramai terutamanya warga Bandar Raya Seremban, boleh mengetahui dengan lebih lanjut mengenai perkhidmatan atas talian yang ditawarkan dengan melayari laman sesawang di [www.mbs.gov.my](http://www.mbs.gov.my). Dengan adanya perkhidmatan secara atas talian ini sudah pastinya dapat memudahkan urusan pelanggan seperti tidak perlu bersesak di dalam trafik untuk ke Wisma MBS sekaligus dapat menjimatkan petrol kenderaan, masa dan tenaga.



Dari segi geografinya pula, Bandar Raya Seremban juga merupakan lokasi yang strategik untuk pembangunan perniagaan, perumahan dan destinasi pelancongan yang dikenali sebagai 'Pesona Seremban', ianya terdiri daripada aktiviti dan pakej pelancongan, warisan dan budaya, sukan dan rekreasi, lorong seni, pelancongan eko, pasar warisan, pasar malam, pasar tani serta *car boot sale*. Selain itu, Seremban juga terletak di kedudukan yang strategik iaitu di tengah jajaran Lebuh Raya Utara Selatan dan hanya 45 minit sahaja dari Bandar Raya Kuala Lumpur serta 30 minit sahaja ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Saya berharap agar MBS dapat berganding bahu dan bekerja rapat dengan agensi kerajaan, pemimpin masyarakat, pihak swasta dan NGO untuk mendapatkan pandangan serta idea dalam membentuk pentadbiran MBS ke arah yang lebih cemerlang dan mesra rakyat. Saya berharap hubungan antara MBS sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan masyarakat dapat ditingkatkan untuk lebih harmoni, bersatu padu dan sejahtera.


Akhir kata, saya berharap agar MBS sentiasa dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada tahap yang terbaik dalam melaksanakan segala tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada masyarakat dalam kawasan pentadbirannya.

Sekian, Terima Kasih.

**DATO' HAJI ZAZALI BIN SALEHUDIN**  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**



## MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN CARTA ORGANISASI



Majlis Bandaraya Seremban diketuai oleh seorang Datuk Bandar yang merupakan Ahli Majlis yang memikul tanggungjawab bersama 24 Ahli Majlis yang lain. Ahli- ahli Majlis ini terdiri daripada ahli politik, golongan professional, ahli akademik dan tokoh korporat. Pengurusan Majlis juga dianggotai oleh Setiausaha, Pengarah Jabatan dan Ketua Unit.



## PENTADBIRAN

Daerah Seremban ditadbir oleh Majlis Bandaraya Seremban (MBS) yang sebelum ini dikenali sebagai Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Perbandaran Nilai. Penggabungan dua agensi perbandaran ini melibatkan **95,189.36** hektar yang menjadi tanggungjawab MBS dalam menyelia kawasan pentadbiran. Seremban juga merupakan Pusat Pentadbiran, perniagaan dan perdagangan dimana Seremban turut dikenali sebagai bandar ibu negeri Negeri Sembilan.

## VISI

**“BANDAR RAYA PINTAR YANG MAMPAN, BERSIH DAN BERDAYA MAJU”**

## MISI

*“Menyediakan perkhidmatan pintar yang efisien, berkualiti dan telus bagi memastikan warga bandar raya Seremban menikmati kehidupan yang selesa dan sejahtera”*

## MOTTO

**MAMPAN. BERSIH. SEJAHTERA**

## OBJEKTIF

- Menaiktaraf kualiti hidup warga bandar raya dengan penyediaan kemudahan dan tempat riadah yang selesa.
- Menyediakan jaringan infrastruktur dan kemudahan awam yang serba lengkap dan efisien di bandar raya Seremban.
- Memperkasa pengurusan landskap yang efisyen.
- Memudahkan urusan pelabur dan aktiviti perniagaan dengan mematuhi peruntukan undang-undang.
- Memperkasa pengurusan kewangan yang cekap, berkesan dan berakauntabiliti.
- Memperkuuh dan memantapkan sumber hasil majlis.



- Mempertingkat usaha kebersihan bandar dengan kerjasama SWCORP
- Meningkatkan kerjasama antara agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan badan-badan profesional
- Menaiktaraf tahap pendidikan dan kesedaran sivik dalam warga bandar raya.
- Mewujudkan sistem pengurusan sumber manusia yang cekap, berkualiti dan berintegriti.
- Memperkasa penggunaan ICT untuk kakitangan dan pelanggan majlis.

## FUNGSI

- Menyediakan perkhidmatan kepada semua warga bandar raya seperti perkhidmatan pembersihan bandar, menyediakan kawasan rekreasi dan kemudahan infrastuktur.
- Menyediakan dan menyelenggara kemudahan awam dan infrastruktur untuk warga bandar raya seperti penyelenggaraan jalan, longkang, lampu jalan, dewan, pusat komuniti dan kemudahan sukan.
- Menyediakan dan menyelenggara kemudahan sosial dan riadah seperti taman permainan kanak-kanak serta taman awam.
- Mengawalselia kelulusan kebenaran merancang, pelan pembinaan bangunan dan penyediaan infrastruktur.
- Mengawalselia kesihatan awam dan mencegah penyakit berjangkit.
- Mengawalselia kelulusan lesen perniagaan.
- Memperkuuhkan jalinan usahasama dalam projek pembangunan, perniagaan dan gerai bagi memberi peluang kepada warga bandar raya melibatkan diri dalam bidang perniagaan.
- Penguatkuasaan undang-undang sedia ada secara optimum.



## PIAGAM PELANGGAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Kami warga MBS dengan penuh iltizam berikrar dan berjanji akan menggembung seluruh tenaga dan usaha kami bagi menghasilkan perkhidmatan secara profesional, cemerlang dan berkualiti dengan:

1. Memastikan komitmen kakitangan dalam memberi layanan mesra dan adil lagi saksama serta perkhidmatan yang terbaik;
2. Memastikan semua warga bandar raya menerima perkhidmatan yang cekap dan berkualiti melalui perkhidmatan atas talian;
3. Memastikan setiap permohonan yang dikemukakan diproses menepati Piagam Pelanggan yang dijanjikan oleh Jabatan;
4. Memastikan tadbir urus pengurusan kewangan dipatuhi seperti mana yang ditetapkan di dalam peraturan kewangan;
5. Memastikan tindakan adil dan tegas dalam menguatkuasakan Undang-Undang dan Peraturan untuk dipatuhi demi kesejahteraan dan keselamatan warga bandar raya;
6. Memastikan pembangunan di MBS membangun secara terancang dan mampan berteraskan konsep Bandar Pintar yang memberi kemudahan demi keselesaan dan kesejahteraan kepada penduduk;
7. Memastikan bandar raya Seremban mampan, bersih dan sejahtera dengan penyediaan prasarana awam yang mencukupi, berkualiti, efisien, mesra pengguna dan kemudahsampaian;
8. Memastikan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan diuruskan secara terbaik dan paling menguntungkan (*best value for money*) serta pelaksanaan projek mencapai sasaran;
9. Memastikan semua aktiviti perniagaan dipermudahkan bagi menjana pertumbuhan ekonomi; dan
10. Memastikan pembangunan sektor pelancongan di Seremban setaraf dengan konsep pelancongan bandar raya utama.




## ISTIADAT PENGISYTIHARAN BANDAR RAYA

Kepesatan pentadbiran Seremban dan Nilai telah membawa kepada kenaikan taraf dua peng gabungan agensi Perbandaran kepada Bandar Raya. MBS ditubuhkan pada 1 Januari 2020 manakala Istiadat Pengisytiharan Majlis Bandaraya Seremban telah diadakan pada 20 Januari 2020 di Wisma Bandaraya Seremban.


Majlis Pengisytiharan telah mendapat perkenan daripada DYMM Tuanku Mukhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir yang telah disambut dengan penuh adat istiadat dan gilang gemilang bagi meraikan kenaikan taraf dengan peng gabungan dua agensi menjadi satu entiti baharu dan julung kalinya bagi Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Sembilan mendapat Datuk Bandar yang pertama.

Peng gabungan MPS dan MPN untuk dinaiktaraf adalah mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dimana :-











## KRONOLOGI PENGISYTIHARAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

TARIKH	PERKARA
12 November 2008	Mesyuarat Kerajaan Negeri telah meluluskan cadangan untuk mencantumkan Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Perbandaran Nilai sebagai satu entiti dan menaikkan tarafnya kepada Majlis Bandaraya Seremban.
2 Februari 2009	Mesyuarat Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia meluluskan cadangan untuk mencantumkan Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Perbandaran Nilai sebagai satu entiti dan menaikkan tarafnya kepada Majlis Bandaraya Seremban.
20 April 2012	Penggabungan Majlis Perbandaran Seremban Dengan Majlis Perbandaran Nilai Dan Menaikkan Tarafnya Kepada Majlis Bandaraya Seremban telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri
13 Mac 2019	Pengisytiharan Bandaraya telah diumumkan pada 1 Januari 2020
1 Januari 2020	Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Perbandaran Nilai dinaiktaraf menjadi Majlis Bandaraya Seremban mulai 1 Januari 2020.
20 Januari 2020	Istiadat Pengisytiharan Majlis Bandaraya Seremban disempurnakan oleh DYMM Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir



## PERALATAN KEBESARAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

### Logo Majlis Bandaraya Seremban

#### 1. KERAWANG AWAN LARAT

Melambangkan tradisi, adat dan budaya Negeri Sembilan yang sentiasa dijunjung dan dijulang tinggi di dalam organisasi dan budaya kerja Majlis Bandaraya Seremban (MBS) di samping mempromosikan adat dan budaya Negeri Sembilan ke mata dunia.



#### 2. PERISAI

Melambangkan MBS sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sentiasa mempertahankan dan melindungi masyarakat dari pelbagai ancaman dan gangguan fizikal disamping menjadi organisasi yang berdaya saing bagi memacu bandar raya ke arah pembangunan yang lebih maju dan mampan.

#### 3. WARNA MERAH / KUNING / HITAM

Merupakan warna rasmi Negeri Sembilan Darul Khusus

#### 4. AKRONIM “MBS”

Merupakan huruf-huruf yang terbentuk daripada gabungan huruf-huruf pertama singkatan bagi Majlis Bandaraya Seremban.

#### 5. DUA BILAH KERIS YANG TERHUNUS

Melambangkan keberanian, kekuatan dan keutuhan MBS sebagai suatu organisasi pengurusan yang sentiasa teguh dan komited dengan misi dan visinya di dalam menghadapi pelbagai tantangan dan cabaran. Di samping itu, keris yang merupakan warisan negara juga menggambarkan MBS sentiasa berusaha memelihara dan memulihara nilai-nilai warisan yang ada di dalam daerah Seremban.

#### 6. BENDERA BERJALUR HALUS

Melambangkan MBS sebuah PBT yang sentiasa berdaya maju dan terus membangun dengan pelbagai kejayaan.



### Bendera Majlis Bandaraya Seremban



### Bunga Rasmi



Bunga Orkid jenis *Cherry Blossom*



### Kalung Darjah Datuk Bandar



Kalung Darjah Datuk Bandar merupakan kalung darjah kebesaran yang akan dikurniakan oleh DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus (NSDK) kepada bakal pemimpin Majlis Bandaraya Seremban ketika Istiadat Pengisytiharan Majlis Bandaraya Seremban (MBS) tanda pelantikan sebagai Datuk Bandar MBS.

Kalung ini diperbuat daripada logam perak 92.5 yang disadur emas pada ukiran tebuk awan laratnya. Ukiran tebuk awan larat dihiasi plat bunga orkid daripada jenis spesies *Cherry Blossom* atau nama saintifiknya *dendrobium linawianum* berwarna merah. Pada tangkai buah kalung terletaknya jata negeri dan disulami ukiran tebuk awan larat yang memegang buah kalung. Buah kalung pula dihiasi ukiran awan larat yang membentuk bintang berbucu sembilan yang melambangkan Negeri Sembilan dan di tengahnya terdapat enamel merah dengan ukiran tulisan "MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN" di atasnya mengelilingi logo MBS.



### Lambang Kuasa Datuk Bandar



Cokmar dari segi sejarah merupakan alat senjata tradisional yang diubah fungsi dan bentuknya menjadi simbol kebesaran dan kekuasaan di dalam istiadat pengisytiharan Majlis Bandaraya Seremban (MBS). Cokmar kuasa ini juga menandakan kuasa Datuk Bandar sebagai wakil DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus bagi mengurus tadbir bandar raya Seremban yang berada di bawah pemerintahan baginda.

Cokmar kuasa ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu kepala, badan dan kaki. Bahagian kepala cokmar direka bentuk bermotifkan seperti kubah masjid melambangkan agama Islam menjadi tonggak utama dalam urus tadbir bandar raya Seremban. Bahagian badan cokmar pula melambangkan rakyat bandar raya Seremban yang berbilang bangsa sebagai komponen utama perkhidmatan MBS untuk terus maju dan kekal menjadi bandar raya yang unggul. Manakala bahagian kakinya pula melambangkan warga kerja MBS sebagai penggerak utama fungsi MBS dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat.

Cokmar ini diperbuat daripada kayu cengal dan dihiasi logam perak 92.5 yang disadur emas pada awan laratnya yang di mana bahagian hadapannya terukir indah logo MBS. Ukuran panjang cokmar ini ialah 122 sentimeter (4 kaki) dan beratnya 6 kilogram.



### Jubah Datuk Bandar Seremban

Jubah ini direka khas dan diperbuat daripada bahan ‘*Black Rich Blend*’ yang dijahit tangan sepenuhnya dan pemilihan rekaan jubah ini adalah selaras dengan piawaian baju jubah Datuk Bandar pihak berkuasa tempatan lain di Malaysia. Tukang jahit daripada Syarikat Maroz Tailoring Sdn. Bhd. yang berpengalaman sejak dari tahun 1986 ini telah menyediakan pelbagai jenis pakaian istiadat kerajaan Malaysia termasuk pakaian Perdana Menteri ke-4 sehingga sekarang.

Di bahagian hadapan dan kollar jubah ini telah dihiasi dengan tenunan benang emas bermotifkan bunga kerawang awan larat eksklusif seperti ukiran di cokmar Majlis Bandaraya Seremban. Tenunan asli ini disediakan dengan teliti dan melambangkan kehalusan Seni Melayu Agung ditambah dengan logo Majlis Bandaraya Seremban yang terletak tegap di bahagian dada kiri dan kanan. Di bahagian dalam jubah telah dilapik sepenuhnya dengan kain jenis fabrik lembut dan sejuk serta diberikan kemasan yang teliti. Warna hitam dipilih kerana warnanya yang klasik dan sesuai dipadankan dengan tenunan benang emas. Ini akan menambah nilai yang eksklusif dan mewah kepada pemakai. Jubah ini juga dilengkapi bersama songkok baldu hitam dan dihiasi dua lapisan renda emas bertatahkan logo Majlis Bandaraya Seremban.

### Skrol Watikah



Skrol Watikah merupakan sarung logam yang di dalamnya terdapat watikah pelantikan Datuk Bandar yang akan ditandatangani oleh individu yang dilantik menjadi Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban. Bertepatan dengan sejarah, skrol merupakan suatu bentuk rekod terawal penyimpanan teks-teks ungkapan atau peristiwa penting.

Skrol Watikah ini diperbuat daripada logam perak 92.5 yang disadur emas pada awan laratnya. Di bahagian tengahnya terukir tarikh pengisytiharan Majlis Bandaraya Seremban. Penutup skrol dihiasi logo MBS. Skrol Watikah ini berukuran diameter 6.6cm dan panjangnya 30.4cm.



### Rehal Watikah



Rehal Watikah merupakan tempat letak watikah pelantikan Datuk Bandar yang telah ditandatangani oleh Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban. Rehal sangat sinonim dalam agama Islam yang secara lazimnya ia digunakan sebagai tempat meletakkan kitab suci al-Quran.

Rehal Watikah ini diperbuat dari kayu jenis *Mahogany* dan dihiasi awan larat dari logam perak 92.5 yang disadur emas. Di bahagian tengah atas terletaknya logo MBS. Rehal Watikah ini berukuran 21cm lebar dan 42cm panjang.

### Cenderamata Medallion



Malaysia sangat terkenal dengan budaya beradab sopan bertepatan dengan Rukun Negara yang kelima iaitu "Kesopanan & Kesusahaaman". Bagi menghargai para tetamu, cenderamata berupa *medallion* disediakan buat para tetamu yang hadir ke Istiadat Pengisytiharan Majlis Bandaraya Seremban & Perasmian Bangunan Wisma MBS.

*Medallion* ini diperbuat daripada tembaga. Di muka hadapannya terukir frasa "PENGISYTIHARAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN" berserta logo MBS di tengahnya manakala di muka belakangnya pula terukir frasa "SEREMBAN BANDAR RAYA INDAH, NEGERI SEMBILAN" serta dihiasi bunga orkid daripada jenis *Cherry Blossom* di bahagian tengahnya. *Medallion* ini berukuran diameter 7cm.



## LATAR BELAKANG

### SEJARAH SEREMBAN DAN NILAI

#### SEREMBAN

Seremban yang awalnya dikenali sebagai Sungai Ujong. Sg. Ujong telah wujud kurun ke 14. Semasa era pemerintahan Portugis di Melaka, Sungai Ujong tertakluk kepada pemerintahan Sultan Johor pada 1760. Sungai Ujong mendapat nama daripada peristiwa penebangan pokok Merbau Tua di Rembau. Di ceritkan pokok Merbau Tua tersebut sebesar sebuah kampong dan mengambil sebulan untuk di tebang. Maka setelah pokok tersebut ditebang, bahagian hujungnya jatuh di sebatang sungai dan dijadikan sebuah penempatan setelah mereka jejak hujung pokok tersebut. Demikian sejarahnya Sungai Ujong memperolehi namanya. Di dalam pemerintahan sebelum kedatangan Inggeris, Sg Ujong merupakan daerah pentadbiran yang terbesar dan tertua yang meliputi Beranang, Pantai, Rantau, Kelawang, Paroi, Labu, Mantin, Mendun dan Linggi. Kesemua daerah ini ditadbir oleh Datuk Kelana Putera Sungai Ujong.

Sungei Ujong yang dikenali Bandar Seremban muncul seperti mana bandar-bandar lain di negara ini iaitu di sekitar tahun 1870-an dan dipercayai bermula apabila kawasan di sekitar Rasah didapati kaya dengan hasil bumi iaitu bijih timah. Apabila ianya mengalami kemasukan penduduk (migrasi) yang pesat terdiri dari orang-orang Cina, Arab dan juga bangsa Melayu dari tempat lain, Seremban bukan sahaja menjadi pusat melombong bijih timah tetapi juga pusat perdagangan. Peniaga-peniaga pada masa itu menggunakan Sungai Linggi sebagai laluan pengangkutan perdagangan mereka manakala penduduk Melayu tempatan di kawasan ini kebanyakannya adalah petani.

Semasa pemerintahan Pihak Penjajah Inggeris, Pihak Penjajah Inggeris mengambil kesempatan untuk mula campur tangan di atas pergolakan peperangan yang berpunca dari perebutan hak dan kawasan perlombongan bijih timah di antara Dato' Kelana dan Dato' Shahbandar. Ini telah memberi ruang kepada Inggeris menempatkan kuasa dengan melantik Residen pertamanya Kapten Murray di mana residensinya didirikan di Jalan Channer (Jalan Dato'Siamang Gagap). Bermula dari detik itu penduduk-penduduk Rasah mendirikan penempatan mereka di sekitar Jalan Channer kerana mereka merasakan tinggal di kawasan yang mempunyai undang-undang dan peraturan Inggeris selamat dan meyakinkan. Berikutnya dari peristiwa di atas, maka muncul deretan kedai di sepanjang Jalan Murray (Jalan Kapitan Tam Yeong), Jalan Pasar dan jalan-jalan utama seperti di Jalan Paul (Jalan Yam Tuan) dan Jalan Birch (Jalan Dato' Bandar Tunggal) yang mana semua nama-nama jalan ini mengambil sempena nama Residen - Residen British ketika itu.

Sebelum zaman pendudukan Jepun, peranan Unit Penguasa Tempatan Seremban (dikenali sebagai Lembaga Kesihatan - (1897) terletak dibawah pentadbiran Residen yang ditubuhkan melalui Warta Kerajaan No. 285 bertarikh 15hb. September 1899) masih lagi terhad kepada menyediakan keperluan asas sahaja. Namun selepas Perang Dunia Ke-II, pembangunan bandar Seremban begitu pesat dimana perubahan demi perubahan yang berlaku memaksa



Lembaga Kesihatan yang terhad aktivitinya diubah menjadi sebuah Lembaga Bandaran melalui Warta Kerajaan No. 143 bertarikh 12hb. Januari 1946 sehingga 1953 apabila ianya dinaikkan taraf kepada Majlis Bandaran Seremban. Pengerusi Lembaga Bandaran Seremban selepas perang ialah seorang pegawai Inggeris, LHN Davis manakala Pegawai Daerah Seremban merangkap Setiausaha Lembaga Perbandaran ialah YM Raja Azman Bin Raja Sir Chulan.

Apabila Negeri Sembilan telah menjadi anggota Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1896, Seremban dengan sendirinya menjadi pusat pentadbiran, perdagangan dan pertanian bagi Negeri Sembilan. Seremban dianggarkan pada waktu itu (1916) memiliki penduduk seramai 20,000 orang dimana deretan bangunan kedai telah pun mula dibina disepanjang Jalan Paul, Jalan Birch, Jalan Cameron (Jalan Dato' Lee Fong Yee) dan Jalan Setul (Jalan Tun Dr. Ismail).

Tanggal 1953, Perlembagaan Lembaga Perbandaran Seremban telah dimansuhkan oleh Raja-Raja melalui Warta Kerajaan No. 262 bertarikh 14hb. April 1953. Mematuhi Seksyen 51 (1) Ordinan Pilihanraya Pihak Berkuasa Tempatan 1950, Pilihanraya Kerajaan Tempatan yang pertama telah diadakan pada 22hb. Ogos 1953. Pentadbiran Majlis Perbandaran Seremban pada waktu itu sering silih berganti mengikut suasana politik semasa di bandar Seremban. Bandar Seremban telah dibahagikan kepada 4 kawasan pilihanraya iaitu kawasan Temiang, kawasan Lake, kawasan Rahang dan kawasan Lobak. Pada tanggal 23hb. Julai 1965, pentadbiran Majlis Perbandaran Seremban telah diambil alih oleh YAB. Dato' Menteri Besar Negeri Sembilan.

Majlis Perbandaran Seremban telah disusun semula mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 di mana ianya dinaiktaraf dan diisytiharkan sebagai Majlis Perbandaran Seremban pada 1 Mac 1979 dengan YAB Dato' Menteri Besar Negeri Sembilan kekal selaku Yang Dipertua Majlis dan dibantu oleh seorang Timbalan Yang Dipertua yang menjalankan tugas eksekutif sepenuh masa. Sehingga pada 1 Ogos 1998, tanggungjawab serta tugas selaku Yang DiPertua Majlis Perbandaran Seremban telah diserahkan secara rasmi oleh YAB Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd. Isa Bin Dato' Haji Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus kepada seorang pegawai kerajaan iaitu Y.Bhg. Dato' Haji Hassan @ Hasanni Bin Mohd Zain sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban.





## NILAI

Nilai merupakan bandar yang terletak di Negeri Sembilan, Malaysia. Bagi melancarkan sistem perhubungan, terdapat stesen KTM yang dihubungkan ke Kuala Lumpur, Putrajaya, dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, ia membolehkan Nilai menjadi bandar yang membangun.

Dari sudut sejarah, nama bandar Nilai dipetik dari satu kisah dimana terdapat peristiwa yang berlaku pada zaman dahulu diantara Dato' Mongkon yang berasal dari Rasah iaitu dari keturunan Waris Rantau datang meneroka di Sungai Labu hingga ke sempadan Negeri Sembilan- Selangor meliputi Labu dan Nilai dengan salah seorang daripada kumpulan yang membuka hutan yang diterokai oleh Dato' Mongkon iaitu Dato' Wi. Salah seorang anak buah beliau iaitu Dato' Muda dapat membunuh seekor anak gajah tunggal sewaktu mereka pergi memburu di dalam hutan dan membawa pulang gadingnya. Gading gajah tersebut diserahkan kepada Dato' Kelana Leha untuk dijadikan sebagai hadiah. Sebagai balasan Dato' Leha memberikan gelaran Dato' Penghulu Muda Labu kepada ketua adat di Labu sewaktu mereka menyerahkan gading gajah tersebut diiringi dengan 50 gantang beras dan wang 24 ringgit.

Demikianlah antara sejarah penemuan nama Nilai yang berasaskan mungkin kepada hadiah yang berupa beras dan nilai wang 24 ringgit. Walaupun Nilai tidak begitu dikenali pada satu masa dulu kini telah berjaya dibangunkan dengan begitu pesat sekali dengan segala kemudahan serta infrastruktur yang begitu lengkap lagi canggih, sesuai dengan tarafnya yang dinaikkan kepada sebuah Majlis Perbandaran moden masa kini.

Majlis Perbandaran Nilai (MPN) telah ditubuhkan pada 2 Februari 2002 dan berada dalam Daerah Seremban. Sebelum dinaikkan taraf perbandaran, MPN dikenali sebagai Majlis Daerah Seremban. Kenaikan taraf ini seiring dengan fungsi dan tanggungjawab Majlis Perbandaran Nilai yang semakin berkembang dari masa ke semasa serta limpahan pembangunan daripada sekitar terutamanya Putrajaya (Pusat Pentadbiran Negara), Cyberjaya, K.L.I.A, MSC dan berhampiran dengan Lembah Kelang. Dengan lokasinya yang strategik berdekatan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Putrajaya, Litar Lumba F-1 Sepang dan juga Koridor Raya Multimedia (MSC), Nilai telah berkembang dengan pantas dan menjadi jiran Bandar Lapangan Terbang (Airport City) yang terancang lagi moden. Jalan masuk ke Bandar Baru Nilai adalah melalui antara lebuhraya yang terbaik yang terdapat di negara ini seperti Lebuhraya Kuala Lumpur- Seremban dan Lebuhraya KLIA- Sepang ELITE.

MPN pada dahulunya dikenali sebagai Majlis Daerah Seremban yang telah ditubuhkan pada 1 Januari 1979 melalui penyusunan semula ke atas Enam (6) Pengguna Tempatan di Negeri Sembilan sek.3 (a) dan 3(b), Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171 iaitu Majlis Tempatan Pajam (1957), Majlis Tempatan Mantin (1958), Majlis Tempatan Lembaga Bandaran Rantau (1959), Majlis Tempatan Lembaga Bandaran Nilai (1959), Majlis Tempatan Lembaga Bandaran Broga (1959) dan Majlis Tempatan Lembaga Bandaran Labu (1959).



MPN telah diberi kenaikan taraf daripada Majlis Daerah Seremban dan majlis pengisytiharan kenaikan taraf tersebut telah dilaksanakan secara rasmi pada 2 Februari 2002. MPN telah dipertanggungjawabkan untuk mentadbir lapan buah Mukim yang terdapat di dalam Daerah Seremban. Antara Mukim yang berada di bawah pentadbiran MPN pada masa ini ialah Mukim Setul, Mukim Labu, Mukim Rantau, Mukim Lenggeng, Mukim Pantai, Sebahagian Rasah, Sebahagian Ampangan, dan Sebahagian Seremban. Antara Mukim tersebut lima (5) daripadanya adalah Mukim Utama iaitu Mukim Setul, Labu, Rantau, Lenggeng dan Pantai manakala tiga (3) Mukim lagi adalah sebahagian sahaja yang mana ia telah dibahagi dengan Majlis Perbandaran Seremban iaitu sebahagian Rasah, sebahagian Ampangan dan sebahagian Seremban.





## SEREMBAN DAN NILAI ERA KINI

Bandar Seremban dan Bandar Nilai kini mengelami evolusi perkembangan yang pesat melalui pembangunan Industri, perumahan, pengangkutan dan pelancongan. Dasar-dasar efektif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri menyebabkan kedua-dua Bandar ini terus membangun sejajar dengan matlamat kerajaan ini iaitu Bersih, Muafakat dan Sejahtera.

Tanggal 1 Januari 2020 secara rasminya Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Perbandaran Nilai telah bergabung menjadi satu entiti iaitu Majlis Bandaraya Seremban. Pengabungan dan penaiktarafan status bandar ini melambangkan daerah Seremban telah menjadi satu Kota Metropolis yang penting di dalam pembangunan ekonomi di Malaysia. Penaiktarafan Majlis Bandaraya Seremban ini sekaligus membuktikan daerah Seremban kini mampu bersaing di kalangan Bandaraya di seluruh dunia yang bersama-sama melaksanakan pembangunan yang mampan.

Usaha-usaha pengabungan dan penaiktarafan status Bandar ini telah bermula sejak tahun 2008 iaitu pada 12 November 2008 Kerajaan Negeri telah meluluskan cadangan untuk mencantumkan MPS dan MPN sebagai satu entiti dan menaikan tarafnya kepada Majlis Bandaraya Seremban.

Selain itu, pada 2 Februari 2009 telah juga mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia di dalam menaik taraf Majlis Bandaraya Seremban serta 20 April 2012 Mesyuarat Jemaah Menteri juga telah meluluskan juga berkaitan di atas.

Pengabungan dan penaiktarafan ini juga telah mendapat perkenan DYMM Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir dan tanggal 1 Januari 2020 maka secara rasminya Seremban menjadi Majlis Bandaraya Seremban.


Sejarah gilang gemilang ini pastinya satu titik tolak untuk Seremban terus maju serta pihak Majlis Bandaraya Seremban untuk terus menawarkan perkhidmatan yang terbaik kepada seluruh warga Seremban. Daerah Seremban juga secara tidak langsung akan menjadi tumpuan kepada pelabur mahupun pelancong setaraf dengan bandaraya yang ada diseluruh Dunia.



**ZON AHLI MAJLIS  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

Majlis Bandaraya Seremban dibahagikan kepada 24 zon, di mana setiap zon di wakili oleh seorang Ahli Majlis.

	Zon 1
	Zon 2
	Zon 3
	Zon 4
	Zon 5
	Zon 6
	Zon 7
	Zon 8
	Zon 9
	Zon 10
	Zon 11
	Zon 12
	Zon 13
	Zon 14
	Zon 15
	Zon 16
	Zon 17
	Zon 18
	Zon 19
	Zon 20
	Zon 21
	Zon 22
	Zon 23
	Zon 24





## PELAN TINDAKAN STRATEGIK MBS 2021-2025

- Menyediakan perkhidmatan yang efisen kepada pelanggan
- Banda raya rendah karbon, bandaraya pintar dan pembangunan mampan
- ICT dan inovasi pemacu perkhidmatan bandaraya
- Perkongsian pintar komuniti dan pihak berkepentingan
- Pengurusan yang dinamik dan berintegriti
- Memperkasakan pengurusan kewangan



## PELAN ANTIRASUAH NASIONAL MBS 2021-2025



Untuk menyelaraskan semua urusan yang berkaitan dengan integriti di bawah sebuah unit yang khusus supaya inisiatif-inisiatif penginstitusian integriti, pencegahan, pematuhan, pengesanan salah laku dan tindakan punitif dapat dilaksanakan secara lebih fokus, terancang, efisen dan mencapai keberhasilan yang optimum.

## AKTA 171 KERAJAAN TEMPATAN

MBS ditubuhkan di bawah Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan. Akta ini memperuntukkan MBS mentadbir, memberi perkhidmatan serta membangunkan Bandar Raya Seremban.

## PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN

### RANCANGAN TEMPATAN MALAYSIA VISION VALLEY (RTMVV)

RTMVV atau Rancangan Tempatan Malaysia Vision Valley 2045 merupakan satu rancangan tempatan yang disediakan di bawah peruntukan Seksyen 12, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]. RTMVV ini adalah diguna pakai bagi keseluruhan kawasan MVV yang meliputi dua (2) daerah Seremban dan daerah Port Dickson dengan keluasan keseluruhan 153,411 hektar.



Keseluruhan Penduduk MVV



Penduduk MVV Mengikut Daerah



Penduduk MVV Mengikut Jantina



Lelaki

Penduduk MVV Mengikut Peringkat Umur



Penduduk MVV Mengikut Etnik



Bumiputera

Cina

India

Lain-lain


Bukan Warganegara

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017

## GUNA TANAH

### ZON GUNA TANAH DAERAH SEREMBAN

Daerah Seremban merangkumi kawasan seluas 95.189.39 hektar. Tepu bina utama bagi Daerah Seremban adalah perumahan 26.79% diikuti dengan perniagaan 7.05% dan kemudahan masyarakat 1.96%. guna tanah bukan tepu bina terbesar merupakan guna tanah pertanian 24.70% diikuti dengan hutan 19.23 dan kawasan lapang dan rekreasi 2.99%. Graf dibawah menunjukkan pecahan Zon Guna Tanah bagi Daerah Seremban.



Perincian mengenai Zon Guna Tanah, 2045 bagi kawasan MVV untuk mencapai visi menjadi '**Sebuah Metropolis Bertaraf Dunia yang Berdaya Saing, Inklusif dan Bersih**'. Draf Rancangan Tempatan MVV 2045 telah menetapkan Zon Guna Tanah bagi tempoh perancangan sehingga tahun 2045.


Penetapan zon guna tanah ini mengambilkira pelbagai aspek perancangan dan konteks bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi daerah, menyediakan persekitaran kondusif untuk kehidupan berkualiti dan memelihara serta memulihara persekitaran serta alam sekitar dan asset semula jadi kearah pembangunan yang mampan.





# BLOK PERANCANGAN BANDARAYA SEREMBAN

Keseluruhan daerah Seremban terbahagi kepada 9 blok perancangan, dimana blok perancangan tersebut akan memperincikan dan menghuraikan setiap cadangan pembangunan serta aktiviti utama dan aktiviti sokongan yang dibenarkan, aktiviti yang dibenarkan dengan syarat dan keperluan kemudahan masyarakat bagi memenuhi permintaan pembangunan sehingga tahun 2045.





## INDUSTRI DAN PERDAGANGAN

Bandaraya Seremban telah berkembang maju dan pesat dalam sektor industri dan perdagangan. Dibawah pegangan Majlis Bandaraya Seremban sahaja melebihi 200 industri pelbagai saiz dan sektor.

Antaranya ialah Kawasan Pusat Perniagaan Di Bandar Seremban, Arab Malaysian Business Park, Templer Business Park, Kawasan Perindustrian Ringan Tun Dr Ismail, Betaria Business Centre, Jalan Dato Siamang Gagap, Kawasan Perindustrian Ringan, Jalan Tun Dr Ismail, Medan Rahang (Rahang Square), Pusat Komersial Unicity, Seremban 3, Pusat Perdagangan Paroi dan Nilai 3



COCA-COLA (M) SDN BHD



KELLOGG ASIA PRODUCTS SDN BHD



SAMSUNG SDI ENERGY



HITACHI TRANSPORT SYSTEM SDN BHD



NOVUGEN PHARMA (MALAYSIA) SDN. BHD.



CPAK CERGAS SDN BHD

## PENDIDIKAN

### HUB PENDIDIKAN DI NEGERI SEMBILAN

Daerah Seremban merupakan hub pendidikan di Negeri Sembilan dimana menyediakan kemudahan dari peringkat taska/tadika, sekolah rendah, sekolah menengah dan pengajian tinggi. Seremban sentiasa peka dalam menyiapkan setiap warganya mendapat kemudahan pendidikan yang berkualiti dan selesa.

SEKOLAH	
Rendah	111
Menengah	47
Vokasional	1
Tadika Kerajaan (Pra Sekolah)	65
Tadika Swasta	280
Tabika Kemas	105
Sekolah Swasta	11
Sekolah Antarabangsa	5





UNIVERSITI
Universiti Teknologi Mara (UiTM) Seremban 3
Universiti Terbuka Malaysia (OUM)
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Universiti Antarabangsa INTI
Universiti Antarabangsa Manipal
Universiti Nilai
Kolej MSU
Kolej Teknologi Alpha
Kolej Cosmopoint
Kolej Negeri
Kolej Kejururawatan Seremban
Kolej Pembantu Perubatan Seremban
Kolej Antarabangsa Mighty Skills
Kolej Tafe
Kolej East Weast
Kolej PTPTL
Kolej Universiti KPJ Healthcare
Kolej Universiti Linton





### PERPUSTAKAAN

- Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan
- State Library
- Perpustakaan Masjid Negeri
- Perpustakaan Desa Kg. Bahagia Jiboi
- Perpustakaan Desa Tmn Seremban Jaya Fasa 1
- Perpustakaan Desa Kuala Sawah
- Perpustakaan Awam Pekan Mantin
- Perpustakaan Desa Taman Desa Cempaka
- Perpustakaan Desa Kampung Labu Hilir
- Perpustakaan Desa Kampung Baru Pantai
- Perpustakaan Desa Kampung Kuala Sawah
- Perpustakaan Desa Kampung Siliau
- Perpustakaan Awam Pekan Mantin





## KESIHATAN DAN KEBAJIKAN

HOSPITAL
Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban
Columbia Asia Hospital, Seremban 2
NSCMH Medical Centre Seremban
Mawar Medical Centre Seremban
Seremban Specialist Hospital
Hospital Bersalin Sukhilmi





25

KLINIK KESIHATAN



20

BALAI POLIS





BALAI BOMBA

8



## PELANCONGAN

### PENGENALAN PELANCONGAN DI NEGERI SEMBILAN

'Tak Sangko Semua Ae Ado'!! itulah yang dapat digambarkan apabila melawat ke daerah Seremban. Ironinya, daerah Seremban mempunyai pelbagai keunikan pelancongannya bermula dari aktiviti eko pelancongan sehingga akitiviti warisan pelancongan yang terdapat disekitar daerah ini. Dengan keunikan ini, daerah Seremban telah menerima Anugerah Bandar Paling Bahagia di Malaysia pada tahun 2020. Oleh demikian, pihak MBS telah mengerakkan satu kempen Pelancongan yang dinamakan Pesona Seremban yang bertujuan mempromosikan Seremban secara lebih agresif dan sinergi.



Daerah Seremban terkenal sebagai syurga kepada pengemar makanan kerana ia menawarkan hidangan pelbagai citarasa tempatan sehingga citarasa Antarabangsa. Tidak mustahilah Chef antarbangsa turut bertandang ke daerah ini untuk mempelajari makanan Negeri Sembilan. Lebih 100 buah restoran yang enak dan lazat dapat anda terokai apabila ke daerah ini.

Selain itu, daerah Seremban juga merupakan Jendela Budaya kepada Negeri Sembilan. Hal ini dapat dilihat melalui keunikan seni bina Adat Perpatih yang terdapat di beberapa bangunan yang terdapat di dalam Bandar Seremban. Sementara itu, tersergam indah juga rumah-rumah Negeri di beberapa kampung tradisional yang terdapat di dalam daerah ini. Peredaran zaman juga menunjukkan

daerah Seremban pernah ditadbir oleh Pemerintahan Inggeris serba sedikit terdapat beberapa binaan yang ditinggalkan yang berkonsepkan *Neo Klasikal*. Oleh itu, tidak hairanlah Seremban terkenal juga dengan beberapa bangunan warisan yang menjadi tumpuan pelancong.

Melawat ke daerah Seremban tidak cukup untuk sehari lawatan. Anda perlu meluangkan lebih banyak masa di daerah ini untuk mengenali lebih dekat berkaitan budaya dan keunikan daerah ini. Ciptakan kenangan yang indah melawat ke daerah ini, kedatangan anda kami sambut dengan riang. **SELAMAT DATANG KE DAERAH SEREMBAN.**





PRODUK PELANCONGAN



**Pelancongan Eko**

- Taman Eko Rimba Lenggeng
- Bukit Kepayang
- Gunung Berembun
- Hutan Simpan Berembun
- Gunung Angsi
- Bukit Melati

**Rekreasi**

- Rantau Eco Park
- As Equestrians, Lenggeng
- JKIN
- Rabbit Fun Land Lenggeng
- ATV, Klana Resort Seremban





### Pelancongan Keagamaan

- Masjid Negeri
- Masjid Rahang (Mualaf)
- Masjid Bandar Seri Sendayan
- Kuil Sri Bala
- Gereja Visitation
- Tokong Ten Zhen
- Cheti Temple
- Gudwara Sahib



### Homestay

- Homestay Pelegong
- Homestay Rawa



### Pelancongan Golf

- |                                  |
|----------------------------------|
| Seremban Golf International Club |
| Starfield Golf Country Club      |
| Kota Seri Mas                    |
| Nilai Spring Golf Country Club   |



### Taman-taman/Dataran

- |                          |
|--------------------------|
| Taman Tasik Seremban     |
| Taman Orkid              |
| Taman Rekreasi Sg. Ujong |
| Taman Malaysia           |
| Dataran Seremban         |
| Dataran Senawang         |
| Dataran Nilai            |
| Laman Basikal            |





### Pelancongan Sejarah

- Muzium Negeri
- Galeri DiRaja
- Bangunan Kraftangan
- Bangunan White House
- Mahkamah Syariah Lama'
- Stesen Keretapi Lama Seremban
- Bangunan Polis Lama
- Masjid Merah
- Bangunan Lama SAINS
- Istana Ampang Tinggi
- Sekolah Menengah KGV
- Dewan Undangan Negeri
- BSN
- Bangunan SAINS
- Penasihat Undang2 NS





## Shopping

- Nilai 3
- Jaya Jusco
- Palm Mall
- Terminal One
- Seremban Prima
- AEON Nilai
- Mesa Mall

**PALM MALL SEREMBAN**

**PALM MALL SEREMBAN**  
Jalan Sungai Ujong,  
70200 Seremban,  
Negeri Sembilan  
Tel: +606-785 6688

**JUSCO SEREMBAN 2 AEON**

**JUSCO SEREMBAN 2 AEON**  
Jusco Seremban 2,Aeon Cik Rahi  
Jusco Seremban 2 Store,  
112, Persiaran Seremban 2,  
Blok 1, Seremban 2, 70300 Seremban 2,  
Negeri Sembilan  
Tel: +606-601 5633/ Faks: +606-601 5634

**SEREMBAN PRIMA**

**SEREMBAN PRIMA**  
Jalan Dato' Bandar Tunggal,  
70000 Seremban,  
Negeri Sembilan  
Tel: +606-764 8322 / Faks: +606-761 9177

**MYDIN MALL**

**MYDIN MALL**  
Lot 3115a, Persiaran 52 87  
Seremban 2,  
70300 Seremban,  
Negeri Sembilan  
Tel: +606-601 7786/ Faks: +606-601 7896

**NILAI 3 STREET MALL**

**NILAI 3 STREET MALL**  
No. 8218-822 Jalan Nilai 3/2,  
Nilai 3, Negeri Sembilan  
Tel: +606-799 3883

**TERMINAL ONE SHOPPING CENTRE**

**TERMINAL ONE SHOPPING CENTRE**  
No 208, Jalan Lintang,  
70200 Seremban,  
Negeri Sembilan  
Tel: +606-767 3193  
Faks: +606-601 7898

**MESA MALL NILAI**

**MESA MALL NILAI**  
Persiaran Ilmu, Bandar Baru Nilai,  
71800,Negeri Sembilan

**AEON JUSCO NILAI**

**AEON JUSCO NILAI**  
Persiaran Pusat Bandar  
Putra Point  
Bandar Baru Nilai  
71800 Negeri Sembilan





### Produk-produk Lain


- Taman Herba Pantai
- Pet Zoo,Jalan Pantai
- Ostrich Farm,Jalan Pantai
- Medan Selera Ampangan
- Benteng Walk
- Lorong Seni
- Bangunan MAINS
- Starfresh Agro park
- Nilai 3
- Pasar Warisan
- Pasar Malam






## JEJAK WARISAN SEREMBAN

Majlis Bandaraya Seremban komited di dalam memelihara dan memulihiara bangunan warisan yang terdapat di dalam Bandar Seremban. Melalui Pembangunan Jejak Warisan Seremban ia memberi peluang kepada pelancong untuk menyelusuri dan menghayati keunikan dan keindahan warisan yang terdapat di dalam bandar ini.



Pelawat rasmi yang  
melawat Seremban  
*Heritage Trial* bermula  
Mei 2019 sehingga Feb  
2020 Seramai 212 orang

SCAN ME!!!





## SEREMBAN STREET ART

Berdasarkan rating daripada Google Lorong Seni Seremban telah menerima rating 4 bintang dengan 3.9/5.0



SCAN ME!!!





## ANUGERAH & PENGIFTIRAFAN

2018

### Majlis Perbandaran Seremban(MPS)

1. Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2018 daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
2. Pencapaian Status Mampan Program Pengukuran Bandar Mampan Malaysia Melalui MURNINets 2.0 daripada Menteri Wilayah Persekutuan sempena Hari Perancang Sedunia Tahun 2018
3. Seremban Half Marathon 1987 – 2018 (31 Years)

### Majlis Perbandaran Nilai(MPN)

1. MPN telah memenangi Johan Konvesyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2018 yang diwakili oleh Jabatan Undang- Undang dan Penguatkuasa dalam kategori Hybrid.
2. MPN telah menerima pengiktirafan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2018 daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
3. MPN telah memenuhi keperluan kriteria komponen Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) pada tahun 2018 dan mendapat pengiktirafan daripada Unit Permodenan dan Tadbiran Perancangan Pengurusan Malaysia Jabatan Perdana Menteri (MAMPU)
4. Pencapaian Status Mampan Program Pengukuran Bandar Mampan Malaysia Melalui MURNINets 2.0 daripada Menteri Wilayah Persekutuan sempena Hari Perancang Sedunia Tahun 2018
5. Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2018



2019

**Majlis Perbandaran Seremban (MPS)**

1. Unit OSC MPS telah terpilih sebagai PBT Fasa Kedua yang akan melaksanakan Sistem OSC 3.0 Plus Online
2. Sijil Audit Bersih Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Seremban Tahun Kewangan 2018
3. Pingat Emas, Konvensyen Mini Team Excellence Wilayah Selatan
4. Pingat Emas, Konvensyen Team Excellence Peringkat Wilayah Tengah
5. Tempat Ketiga, Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan
6. Sijil Penghargaan Majlis Perbandaran Seremban bagi Pencapaian Status Bandar Mampan melalui MURNInets 2.0 dari Menteri Wilayah Persekutuan
7. Anugerah Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) 2019

**Majlis Perbandaran Nilai (MPN)**

1. Konvensyen KIK 2019 Kategori Hibrid Peringkat Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan pada 12 September 2019 (Persembahan Terbaik)
2. Unit Osc MPN telah dipilih sebagai 10 PBT Perintis bagi melaksanakan Sistem OSC 3.0 Plus Online
3. Sijil Audit Bersih Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Nilai Tahun Kewangan 2018
4. Sijil Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Majlis Perbandaran Nilai Tahun Kewangan 2018
5. Pencapaian KPI HRMIS 2019 5 Bintang (100%)
6. Sijil Penghargaan Majlis Perbandaran Nilai bagi Pencapaian status Bandar Mampan melalui MURNInets 2.0 dari Menteri Wilayah Persekutuan
7. Persembahan Terbaik, Konvensyen Inovatif dan Kreatif Perkhidmatan Awam, N. Sembilan



2020

**Majlis Bandaraya Seremban (MBS)**

1. Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) telah mendapat pengiktirafan Emas (*Gold*) dalam Konvensyen Team Excellence 2020 Peringkat Wilayah anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang berlangsung pada 3-4 September 2020.
2. Anugerah Bandar Paling Bahagia Majlis Bandaraya Seremban (Tahun 2019) sempena Hari Kebahagiaan Sedunia 2020 daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
3. Pertandingan Pengiktirafan Tandas Awam Bersih Peringkat Kebangsaan Tahun 2019
  - a) Kategori PBT (Bandaraya/ Perbandaran)
    - Tandas Awam Taman Orkid Seremban Tempat Ketiga
  - b) Kategori Hentian Awam
    - Tandas Hentian Sebelah Senawang (arah utara) Tempat Kedua
  - c) Kategori Stesen Minyak
    - Tandas Petron Senawang 2 Tempat Pertama



Diterbitkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat  
Majlis Bandaraya Seremban,  
Wisma MBS, Persiaran Forest Height 1,  
Jalan Seremban - Tampin,  
70450 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus, MALAYSIA

Ibu Pejabat: 06-7654333 | Pejabat Cawangan (Nilai): 06- 7989000

Fax Ibu Pejabat: 06- 7654889 | Fax Pejabat Cawangan (Nilai): 06- 7997300

 serembancitycouncil

 mbseremban

 Majlis Bandaraya Seremban

 mbseremban

 06- 7654444 (Aduan)

©Hakcipta terpelihara oleh Majlis Bandaraya Seremban



MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

[www.mbs.gov.my](http://www.mbs.gov.my)